

# LAPORAN TAHUNAN

2016



# ISI KANDUNGAN



**03** SIDANG REDAKSI



**04** SUDUT PANDANGAN  
KETUA PENGARAH



**06** MAKLUMAT KORPORAT  
- Visi, Misi dan Objektif  
- Fungsi Jabatan



**08** DASAR KUALITI DAN  
CARTA ORGANISASI  
- Carta Organisasi JPDP  
- Anggota Pengurusan  
Tertinggi  
- Bahagian & Unit



**16** PENGENALAN  
AKTA 709  
- Latarbelakang  
- Tujuan  
- 7 Prinsip Perlindungan Data  
Peribadi  
- Hak-hak Subjek Data



**22** AKTIVITI JPDP  
- @daftar  
- @pantau  
- @publisiti  
- @antarabangsa



**42** IMBASAN 2016

**Cetakan Pertama, 2017**

**Hak Cipta Terpelihara Jabatan Perlindungan Data Peribadi Malaysia, 2016**

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia Oleh :

Ketua Pengarah

Jabatan Perlindungan Data Peribadi Malaysia

Aras 6, Kompleks Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia,

Lot 4G9, Presint 4, Persiaran Perdana, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62100 Putrajaya, Malaysia.

Laman Web : <http://www.pdp.gov.my>

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan-Malaysia.

Jabatan Perlindungan Data Peribadi

Buku Laporan Tahunan: Jabatan Perlindungan Data Peribadi Malaysia

ISSN 2289-8751

Judul : Laporan Tahunan Jabatan Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2016



# SIDANG REDAKSI



## **PENASIHAT**

**BURNIAH JAMARI**  
TIMBALAN KETUA PENGARAH  
JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI MALAYSIA

## **KETUA EDITOR**

**NURZALIZAH KARTINI ABDULAH**  
KETUA UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

## **PENGARANG**

**EFFIZURAIDAH ABDUL LATIP**  
PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM

## **PENOLONG PENGARANG**

**NURUL ASFARINA MOHD AZNAN**  
PENOLONG PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM

## **PEGAWAI TEKNIKAL/JURUFOTO**

**MUHAMAD HAZRIN JOHAR**

## **EDARAN**

**SITI HAJAR HASSAN**



### **Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera**

Terlebih dahulu dipanjatkan rasa kesyukuran kehadiran Allah S.W.T kerana Laporan Tahunan Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) 2016 dapat dilaksanakan dengan jayanya. Saya ingin merakam penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyalurkan maklumat dan menyumbangkan idea untuk menerbitkan buku laporan tahunan ini.

Laporan Tahunan ini memberi gambaran menyeluruh mengenai pencapaian dan aktiviti yang telah dilaksanakan oleh JPDP sepanjang tahun 2016. Maklumat-maklumat ini boleh dijadikan rujukan dan informasi kepada warga dan masyarakat secara amnya. Selain itu, ia juga penting untuk kita menilai semula aktiviti dan pencapaian yang telah dilaksanakan untuk membaiki kelemahan dan kekurangan pada masa akan datang.

Sepanjang tahun 2016, JPDP telah memperlihatkan pencapaian yang memberangsangkan dan menerima maklumbalas yang positif daripada Golongan Industri dan masyarakat. Semua usaha ini adalah hasil kerjasama pegawai dan kakitangan JPDP dalam menyebarkan maklumat dan penerangan mengenai akta ini. Pelbagai langkah dan kaedah telah digunakan pakai bagi menyampaikan maklumat kepada golongan Industri dan masyarakat seiring dengan perkembangan semasa dan trend terkini. Sebagai pengemudi kepada jabatan ini, saya sangat berbangga dengan semangat dan kerjasama berkumpulan yang telah ditonjolkan demi menaikkan imej jabatan.



# SUDUT PANDANGAN KETUA PENGARAH

Pendekatan yang diambil pada tahun ini lebih komprehensif dan proaktif bagi memastikan setiap informasi disampaikan dan diterima oleh golongan sasaran terutamanya Golongan Pengguna Data. Dalam memperkasakan peranan dan tanggungjawab mengawalselia golongan Pengguna data, JPDP telah melaksanakan lawatan pemantauan dan pemeriksaan sistem data peribadi di 56 agensi Pengguna Data di seluruh negara. Lawatan pemantauan ini selaras dengan fungsi yang terkandung di dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709). Lawatan ini lebih kepada memberi khidmat nasihat serta mendidik Pengguna Data supaya lebih berintergriti dalam memproses data pelanggan berdasarkan kepada prinsip-prinsip di dalam akta.

Sejajar dengan perkembangan semasa, bahan promosi dan publisiti bukan hanya melalui medium percetakan tetapi juga medium elektronik dan media sosial. Penerbitan video kesedaran telah dihasilkan dan dimuatnaik ke dalam media-media sosial dan televisyen sebagai salah satu platform untuk mempromosikan Akta 709 kepada Pengguna Data dan orang awam. Selain penerbitan video dan *ted talk*, sesi temubual di televisyen dan radio juga kerap diadakan bagi menyampaikan mesej kepada masyarakat tentang kewujudan akta ini. Penulisan artikel dan wawancara di akhbar juga dijadikan cabang dalam menyebarkan informasi kepada masyarakat. JPDP juga aktif dalam menyebarkan maklumat melalui media sosial seperti di portal ([www.pdp.gov.my](http://www.pdp.gov.my)) dan *Facebook Page* (Jabatan Perlindungan Data Peribadi).

Dalam memastikan Golongan Pengguna Data lebih memahami peranan dan tanggungjawab mereka dalam menguruskan data pelanggan, JPDP telah mengadakan beberapa siri persidangan yang dikenali sebagai Persidangan Perlindungan Data Peribadi di beberapa lokasi di seluruh negara. Sepanjang tahun 2016, terdapat 12 persidangan telah dilaksanakan yang bertujuan menerangkan dengan lebih terperinci dan bersoal jawab secara langsung antara JPDP dengan pihak Golongan Pengguna Data, ternyata respon yang diterima amat menggalakkan dan sangat positif. Dengan adanya promosi dan publisiti yang meluas, secara tidak langsung menggalakkan dan meningkatkan kesedaran Golongan Pengguna Data untuk mendaftar dan mendorong masyarakat untuk lebih berhati-hati dalam mendedahkan data peribadi.

Akhir kata, syabas dan tahniah kepada semua warga kerja JPDP, teruskan usaha meningkatkan imej jabatan pada masa hadapan. Kepada masyarakat amnya, lindungi data peribadi kerana data peribadi adalah satu komoditi yang sangat berharga dan bernilai. Sentiasa berwaspada dan bijak dalam menilai sebelum berkongsi maklumat peribadi kepada orang yang tidak dikenali.

**MAZMALEK BIN MOHAMAD**

Ketua Pengarah  
Jabatan Perlindungan Data Peribadi Malaysia  
Merangkap Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia

# DATA KORPORAT

Untuk mengawal selia, melindungi dan menguatkuasakan akta perlindungan data peribadi dikalangan subjek data dan pengguna data

Peneraju utama dalam melindungi kepentingan data peribadi dalam mencapai kesejahteraan sebagai negara maju yang selari dengan Agenda Transformasi Negara

Mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersil untuk melindungi data peribadi seseorang Subjek Data. Akta 709 adalah terpakai bagi mana-mana orang yang memproses dan yang mempunyai kawalan terhadap atau membenarkan pemprosesan apa-apa data peribadi berkenaan transaksi komersil

MISI

VISI

OBJEKTIF





# FUNGSI JABATAN



## PENDAFTARAN & OPERASI

Menyelaras dan memantau hal-hal yang berkaitan dengan pendaftaran pengguna data dan Forum Pengguna Data seperti mana yang diperuntukkan dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709).

## PEMANTAUAN

Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan Pematuhan Akta 709 melalui penilaian, penyiasatan dan pemantauan.



## UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Mempromosikan dasar, program dan aktiviti Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) ke arah pembentukan imej yang positif melalui perancangan promosi dan publisiti yang strategik dan berkesan.

## UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

Memberi perkhidmatan sokongan teknikal, sistem dan bantuan khidmat nasihat berhubung pelaksanaan ICT kepada warga Jabatan Perlindungan Data Peribadi



## UNIT KHIDMAT PENGURUSAN


Menguruskan hal-hal pentadbiran dan kewangan Jabatan Perlindungan Data Peribadi





# CARTA ORGANISASI

## JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI MALAYSIA





# BARISAN **PENGURUSAN TERTINGGI** JPDP



**MAZMALEK BIN MOHAMAD**  
Ketua Pengarah



**BURNIAH JAMARI**  
Timbalan Ketua Pengarah



**ABDUL HALIM SUNNY**  
Pengarah Bahagian Pemantauan



**SITI DINAR OTHMAN**  
Ketua Unit Penilaian Risiko



**HUSNALRITA YUSSOF**  
Ketua Unit Pemantauan 1



**MASTURA ABD. RAHIM**  
Ketua Unit Pemantauan 2



**NOREEN ISZANI YUSAK**  
Ketua Unit Pendaftaran



**MOHD SHAZROL MOHD SHAH**  
Ketua Unit Hal Ehwal Pengguna Data



**NURZALIZAH KARTINI ABDULAH**  
Ketua Unit Komunikasi Korporat



**SHARIL MAZMI MOHD SHARIF**  
Ketua Unit Teknologi Maklumat



**HAIRANI SHAHMAN**  
Ketua Unit Khidmat Pengurusan



# BAHAGIAN & UNIT JPDP



BAHAGIAN PEMANTAUAN

BAHAGIAN PENDAFTARAN  
& OPERASI






## UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



## UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT



## UNIT KHIDMAT PENGURUSAN



# PENGENALAN AKTA 709







# PENGENALAN AKTA 709

## LATARBELAKANG

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) atau APDP merupakan salah satu perundangan siber yang diperakukan dalam pelaksanaan Koridor Raya Multimedia. Akta ini merupakan matlamat Dasar Kesepuluh dinyatakan dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 iaitu bagi menjamin keselamatan maklumat dan kebolehpercayaan serta keutuhan rangkaian dalam perlindungan data di Malaysia. Akta 709 telah diluluskan di Parlimen pada 5 April 2010 dan diperkenankan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 2 Jun 2010.

## OBJEKTIF

- Mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial oleh pengguna data; serta
- Melindungi kepentingan data peribadi umum.



## TUJUAN AKTA 709

Mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial untuk melindungi data peribadi seseorang subjek data. Akta 709 adalah terpakai bagi mana-mana orang yang memproses dan yang mempunyai kawalan terhadap atau membenarkan pemprosesan apa-apa data peribadi berkenaan transaksi komersial.

## RUANG LINGKUP AKTA 709

Akta ini hanya melingkupi data peribadi yang diproses atau hendak diproses dalam Malaysia.



### PEMAKAIAN AKTA 709

Seksyen 2, Pemakaian Akta ini terpakai bagi mana-mana orang yang memproses, mempunyai kawalan terhadap pemprosesan apa-apa data peribadi berkenaan dengan transaksi komersial.

### KETIDAKPAKAIAN AKTA 709

- Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri tidak terpakai untuk memberi hak dan fleksibiliti menggunakan data peribadi asas bagi tujuan pentadbiran undang-undang.
- Akta ini tidak terpakai kepada data peribadi yang di proses di luar negara melainkan jika data peribadi itu diniatkan untuk diproses selanjutnya di Malaysia.



# 7 PRINSIP PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

## 01 PRINSIP AM

Pengguna Data tidak dibenarkan memproses data peribadi seseorang tanpa kebenaran. Data peribadi perlu dikutip:

- untuk tujuan sah
- atas kebenaran individu
- mencukupi dan tidak berlebihan

## 02 PRINSIP NOTIS DAN PILIHAN

Pengguna Data mesti memaklumkan terlebih dahulu akan tujuan pengambilan sesuatu data peribadi.

## 03 PRINSIP PENZAHIRAN

Pengguna Data perlu memaklumkan tujuan data peribadi seseorang itu diambil dan perlu dizahirkan dengan jelas.

## 04 PRINSIP KESELAMATAN

Pengguna Data perlu mengambil langkah-langkah perlu agar data peribadi selamat, tidak diubahsuai, disalahguna atau diberikan kepada pihak yang tidak berkenaan.

## 05 PRINSIP PENYIMPANAN

Pengguna Data perlu memastikan sesuatu data peribadi itu tidak disimpan melebihi tempoh masa yang diperlukan.

## 06 PRINSIP INTEGRITI DATA

Pengguna Data perlu memastikan bahawa setiap data peribadi yang sedia ada adalah tepat, lengkap, terkini dan tidak mengelirukan serta menepati tujuan data itu disimpan atau diproses.

## 07 PRINSIP AKSES

Pengguna Data perlu memberikan hak untuk mengakses kepada subjek data sekiranya mereka ingin meminda, membetulkan atau membatalkan data peribadinya yang berada dalam milikan mereka.



**KENAPA?**  
Kenapa data peribadi saya diperlukan

**AKSES!**  
Hak untuk mengakses data peribadi saya

**TARIK BALIK!**  
Berhak untuk menarik balik data yang disimpan atau diproses

**HENTIKAN!**  
Berhak menghentikan pemasaran produk / servis yang ditawarkan



Hak memilih sama ada memberi persetujuan bagi pemrosesan data peribadi sensitif kecuali dalam keadaan yang dibenarkan oleh undang-undang (s.40)



Hak untuk tahu siapa dan tujuan pemrosesan data peribadi dibuat, akses dan meminta salinan (s.30)



Hak untuk membetulkan data peribadi yang sedang diproses sekiranya tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau terkini berdasarkan salinan yang diterima atau pengetahuannya sendiri (s.34)



Hak menghalang atau mengenakan syarat bagi pemrosesan melalui 'Notis Subjek Data' jika ia percaya pemrosesan boleh menyebabkan kerosakan atau distres yang substansial dan tidak wajar kepada dirinya atau kepada orang lain, melainkan dalam keadaan yang dibenarkan oleh undang-undang (s.42)




Hak menarik balik persetujuan untuk memproses data peribadi melalui notis bertulis (s. 38)



Hak menghalang dari memulakan pemrosesan atau memberi tempoh untuk memberhentikan pemrosesan bagi maksud pemasaran langsung melalui penghantaran notis bertulis (s.43)



Hak menentukan takat penzahiran kecuali dalam keadaan yang dibenarkan oleh undang-undang (s.39)



# AKTIVITI JPDP





# PENDAFTARAN PENGGUNA DATA



Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) memperuntukkan semua Golongan Pengguna Data terpilih wajib berdaftar (seperti yang dinyatakan dalam Perintah Golongan Pengguna Data) secara rasmi dengan Pejabat Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi.

Penggalakkan pendaftaran pengguna data yang perlu berdaftar mengikut Perintah Golongan Pengguna Data 2013, sebanyak 4250 (25% daripada 17,000 anggaran pengguna data seluruh negara yang belum berdaftar)+1400 (40% daripada golongan baharu yang akan berdaftar 3500)

Jumlah Pengguna Data yang telah mendaftar pada tahun 2016 adalah sebanyak 611 agensi yang terdiri daripada pelbagai sektor. Jadual di bawah menunjukkan pecahan sektor yang telah mendaftar.



Hartanah : 165



Institusi Perbankan dan  
Institusi Kewangan : 3



Insuran : 0



Jualan Langsung : 10



Kesihatan : 198



Komunikasi : 20



Pelancongan dan  
Hospitaliti : 72



Pendidikan : 21




Pengangkutan : 0



Perkhidmatan : 122



Utiliti : 0



Carta di atas menunjukkan peratusan jumlah pendaftaran mengikut sektor pada Tahun 2016



## KEWAJIPAN PENGGUNA DATA

Di bawah Seksyen 16, Akta 709 Pengguna Data diwajibkan berdaftar secara rasmi dengan Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi. Kegagalan untuk berbuat demikian akan menyebabkan Penalti :Denda tidak melebihi RM500, 000.00; atau Penjara tidak melebihi 3 tahun; atau Kedua-duanya





## PENGGUNA DATA PERLU MEMATUHI BEBERAPA ETIKA KETIKA MENGENDALIKAN DATA PERIBADI

### APA YANG PERLU DILAKUKAN OLEH PENGGUNA DATA?

- Mematuhi dan memahami kod etika.
- Mendapatkan kebenaran dari Subjek Data sebelum memproses data.
- Menyatakan tujuan penggunaan data dengan jelas.
- Menyimpan data peribadi hanya bila perlu.
- Memastikan data tepat dan terkini
- Tidak mendedahkan data peribadi kepada pihak ketiga
- Menyimpan rekod yang sistematik tentang data yang diambil dan data yang dilupuskan. Data akan dilupuskan jika tidak diperlukan lagi.
- Subjek Data mempunyai hak untuk mengemas kini.
- Memastikan keselamatan dari penggodaman terhadap data yang diambil dan juga yang diurus secara atas talian.
- Memastikan hanya pekerja yang masih bertugas sahaja mempunyai akses kepada data peribadi dan pekerja memahami polisi pengendalian data peribadi.



### APA YANG TIDAK BOLEH DILAKUKAN OLEH PENGGUNA DATA?

- Mendedahkan sebarang data peribadi samada melalui telefon, internet, pesanan ringkas, komunikasi elektronik secara bertulis atau lisan.
- Memindahkan sebarang data peribadi ke luar Malaysia.
- membenarkan akses terbuka atau tidak mengawal data peribadi.
- Menggunakan Data peribadi untuk tujuan yang berlainan.
- Memaksa Subjek Data mengemukakan Dokumen Identifikasi Rasmi
- Mengelirukan Subjek Data tentang pilihan mereka atau bagaimana data peribadi mereka bakal digunakan
- Mengambil Data Peribadi sebelum kontrak dipersetujui.
- Mendedahkan kata laluan atau pengenalan pengguna kepada pihak yang tidak berhak.





## KESEDARAN DAN PEMATUHAN AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (AKTA 709)

Dalam memberi kesedaran dan penjelasan untuk Golongan Pengguna Data khususnya dan Data Subjek amnya pelbagai program telah dilaksanakan. Program penerangan dan penjelasan yang diadakan telah membantu pihak jabatan dan Pengguna Data untuk saling berhubung antara satu sama lain dalam merungkai permasalahan yang dihadapi. Dalam persidangan ini terdapat juga sesi soal jawab antara pihak JPDP dengan Pengguna Data. Sambutan yang diterima amat menggalakkan dan mendapat respon yang positif.

Sepanjang tahun 2016, sebanyak dua belas (12) Persidangan Perlindungan Data Peribadi telah dilaksanakan di lokasi berbeza seluruh Malaysia. Persidangan tersebut merupakan salah satu program kesedaran kepada Pengguna Data. Melalui persidangan ini pihak JPDP boleh bersua terus dengan Pengguna Data bagi menerangkan mengenai Akta 709 dengan lebih lanjut.





## FORUM PENGGUNA DATA

BIL	GOLONGAN PENGGUNA DATA	PENERAJU	TARIKH LANTIKAN
1	Utiliti (Air)	Syarikat Air Johor (SAJ)	15/01/2016
2	Syarikat Penghantaran Express Malaysia	Associaton Of Malaysian ExpressCarriers(AMEC)	04/02/2016

Forum Pengguna Data merupakan platform yang digunakan oleh Golongan Pengguna Data untuk lebih melindungi hak-hak Subjek Data bagi memenuhi keperluan pematuhan Seksyen 23, Akta 709. Golongan Pengguna Data akan duduk bersama-sama meminda, membangun, membentuk serta mengubahsuai berdasarkan keperluan data peribadi dalam transaksi komersial mengikut sektor masing-masing.



Sehingga Disember 2016, sebanyak dua (2) peneraju baru untuk Golongan Pengguna Data telah dilantik oleh Pesuruhjaya. Dengan adanya peneraju ini, maka Tataamalan akan dapat dikeluarkan dan sekaligus akan digunapakai oleh Golongan Pengguna Data.

Forum Pengguna Data hanya melibatkan kehadiran wakil agensi ke pejabat untuk perbincangan yang lebih khusus dengan skala kecil.

## TATAAMALAN

Sektor utiliti elektrik dan sektor Insurans kini menjamin perlindungan data peribadi Pelanggan dengan siapnya Tataamalan hasil kerjasama syarikat-syarikat di bawah sektor mereka. Tataamalan berkenaan, yang diluluskan oleh Pesuruhjaya disediakan mengikut peruntukan seksyen 23 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (APDP). APDP memberi perlindungan kepada maklumat peribadi seseorang individu yang diproses untuk tujuan transaksi komersial. Penghasilan Tataamalan ini memperlihatkan kesungguhan pihak pengurusan sektor terbabit dalam melindungi dan menjamin keselamatan data peribadi pelanggannya.

Buku Tataamalan diterbitkan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dan salinannya dipaparkan di dalam laman web Jabatan Perlindungan Data Peribadi Malaysia ([www.pdp.gov.my](http://www.pdp.gov.my)).






Pada tahun 2016, Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) telah melaksanakan lawatan pemantauan dan pemeriksaan sistem data peribadi di 56 agensi pengguna data di seluruh negara. Lawatan pemantauan ini selaras dengan fungsi Pesuruhjaya yang terkandung di dalam Seksyen 48 (g) dan juga Seksyen 101, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709).



## PEMANTAUAN PENGGUNA DATA (SEKSYEN 48)

Kebanyakan pengguna data yang dilawati tidak mengetahui tanggungjawab sebagai pengguna data dalam melindungi hak subjek data. Justeru, pendekatan pemeriksaan yang diambil bagi pemantauan di bawah Seksyen 48 adalah lebih kepada khidmat nasihat serta mendidik pengguna data terhadap pematuhan akta ini.

Taburan Pengguna Data Yang Dilawati  
Jan- Jun 2016



Lawatan Pemantauan bagi tempoh Januari hingga Jun 2016



Lawatan pemantauan di bawah Seksyen 48 merupakan *soft-approach* ke arah mendidik pengguna data terhadap pemantauan Akta 709.

## PEMERIKSAAN SISTEM DATA PERIBADI (SEKSYEN 101)

Pada Oktober 2016, Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi telah mengubah hala tuju pemantauan pengguna data ke arah pemantauan yang lebih terperinci dan telus. Di bawah Seksyen 101, Pesuruhjaya boleh melaksanakan pemeriksaan ke atas sistem data peribadi pengguna data iaitu dengan membuat syor kepada pengguna data berkenaan penambahbaikan yang perlu dilakukan.

Melalui pemeriksaan di bawah Seksyen 101, pegawai pemeriksa akan memeriksa tatacara pengurusan data peribadi yang diamalkan oleh agensi pengguna data dari aspek pengendalian, penyimpanan sehingga aspek pelupusan data peribadi. Di akhir pemeriksaan ini, pegawai pemeriksa akan membentangkan hasil penemuan ketidakpatuhan yang perlu diperbaiki.

Dengan pelaksanaan pemeriksaan di bawah Seksyen 101, pengguna data akan dimaklumkan mengenai keputusan pemeriksaan melalui sesalinan laporan pemeriksaan.



## PEMERIKSAAN SISTEM DATA PERIBADI (SEKSYEN 101) YANG DILAKSANAKAN MERANGKUMI PELBAGAI SEKTOR

@  
p  
a  
n  
t  
a  
u



Pelancongan dan Hospitaliti



Kesihatan



Pendidikan



Insurans



Perbankan dan Kewangan



Utiliti



Jualan Langsung



Pemeriksaan Sistem Data Peribadi di bawah Seksyen 101 lebih terperinci dan telus.



Komunikasi : 17



Pendidikan : 7



Institusi Perbankan dan  
Institusi Kewangan : 29



Jualan  
Langsung : 15



Insuran : 11



Perkhidmatan : 12



Kesihatan : 5



Hartanah : 18



Pelancongan : 3



Utiliti : 3



Pengangkutan : 2




Lain-lain : 30

ADUAN YANG DITERIMA MENGIKUT SEKTOR PENGGUNA DATA  
JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Sejak Akta 709 mula dikuatkuasakan pada 15 November 2013 hingga akhir 2016, Jabatan ini telah menerima sejumlah 246 aduan yang telah dikenal pasti berada dalam bidang kuasa Jabatan ini. Angka ini dianggap satu jumlah yang besar kerana kebanyakan aduan-aduan ini melibatkan pelbagai kategori pengguna data utama di Malaysia termasuk syarikat-syarikat yang bertaraf multinasional.

Mengambil kira isu kesukaran orang ramai untuk mengemukakan aduan kepada Jabatan ini yang belum mempunyai cawangan mahu pun pejabat zon, Jabatan ini juga telah memperkenalkan sistem penerimaan aduan secara atas talian melalui [www.pdp.gov.my](http://www.pdp.gov.my). Ini merupakan satu inisiatif Jabatan yang bertujuan memudahkan akses kepada subjek data yang merasakan data peribadinya telah disalahguna dan ternyata ia telah membantu apabila jumlah aduan didapati meningkat secara mendadak pada tahun 2016 kepada 153 aduan.

ADUAN YANG DITERIMA DARI TAHUN 2013 HINGGA 2016  
JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI



Antara perkara yang sering diadukan kepada Jabatan ini adalah :

- Kesalahan memproses data peribadi tanpa kebenaran (50 aduan),
- Menzahirkan data peribadi kepada pihak-pihak yang tidak berkenaan (40 aduan),
- Memproses data peribadi bagi tujuan pemasaran langsung (25 aduan),
- Memproses data peribadi yang tidak tepat atau mengelirukan (12 aduan)
- Serta isu berkaitan keselamatan data peribadi (10 aduan).



# Kesedaran dan Pemahaman Akta Perlindungan Data Peribadi (Akta 709)



Dalam meningkatkan kesedaran dan kefahaman untuk Golongan Pengguna Data khususnya dan Subjek Data amnya pelbagai program telah dilaksanakan. Program-program yang dijalankan telah membantu pihak Jabatan dan Pengguna Data untuk lebih sedar dan faham peranan serta tanggungjawab yang perlu mereka patuhi. Publisiti juga dalam masa yang sama adalah satu usaha untuk menyampaikan informasi serta mempengaruhi sasaran tertentu bagi memastikan Akta Perlindungan Data Peribadi (APDP) ini terguna pakai.

Sepanjang tahun 2016, aktiviti promosi dan publisiti menjadi salah satu fokus utama dalam pelaksanaan Akta 709. Pelbagai kempen kesedaran perlindungan data peribadi telah dilaksanakan bagi memberi penerangan dan mendidik masyarakat supaya melindungi data peribadi masing-masing. Perancangan publisiti secara berterusan dilihat dapat memberi impak jangka pendek dan jangka panjang sekaligus telah memberi kesan positif kepada kumpulan yang disasarkan.

Kepelbagaian kaedah dalam mengendalikan aktiviti publisiti dan penerangan kepada masyarakat antara pendekatan yang digunakan dalam menguruskan aktiviti publisiti iaitu melalui media elektronik dan cetak dan tidak ketinggalan media baru adalah dengan menyertai program bual bicara, temu ramah di radio negeri, penulisan di akhbar utama, iklan serta tayangan video berterusan melalui stesen tv dan edaran risalah-risalah.

@  
p  
u  
b  
l  
i  
s  
i  
t  
i





# KERATAN AKHBAR

## APDP kawal selia pengguna data

**Orang ramai harus sedar tentang APDP 2010**

APDP 2010 telah diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia pada 15 Februari 2010. Ia bertujuan untuk melindungi hak pengguna data dan memastikan bahawa data mereka tidak digunakan untuk tujuan yang tidak sah. APDP 2010 menetapkan peraturan yang ketat mengenai bagaimana data pengguna boleh dikumpulkan, disimpan, dan digunakan. Ia juga menetapkan syarat-syarat yang mesti dipatuhi oleh organisasi yang mengendalikan data pengguna. APDP 2010 adalah satu langkah yang penting untuk melindungi hak pengguna data di Malaysia.

## Tahukah anda?

APDP melindungi data anda yang memuatlah maklumat peribadi yang berkaitan dengan aktiviti pengguna data.

Walaupun APDP melindungi data anda, ia tidak melindungi data yang telah dikumpulkan sebelum APDP 2010.

APDP 2010 menetapkan peraturan yang ketat mengenai bagaimana data pengguna boleh dikumpulkan, disimpan, dan digunakan. Ia juga menetapkan syarat-syarat yang mesti dipatuhi oleh organisasi yang mengendalikan data pengguna.

## Pengguna data kena pastikan maklumat peribadi dilindungi

Tujuh prinsip APDP wajar dipatuhi oleh semua pengguna maklumat peribadi.

Maklumat peribadi adalah maklumat yang boleh mengenal pasti seseorang individu. Ia termasuklah maklumat seperti nama, alamat, nombor telefon, dan maklumat kewangan. Pengguna data harus memastikan bahawa maklumat peribadi mereka dilindungi dengan baik. Mereka harus memastikan bahawa maklumat peribadi mereka tidak dikumpulkan, disimpan, atau digunakan oleh organisasi yang tidak sah. Mereka juga harus memastikan bahawa maklumat peribadi mereka tidak dibagikan kepada pihak ketiga tanpa kebenaran mereka.

## Dedah maklumat pelanggan sikap tak berintegriti

Sektor perkhidmatan di negara ini semakin kompetitif. Ini menyebabkan beberapa organisasi mengambil langkah yang tidak berintegriti untuk mendapatkan maklumat pelanggan mereka. Mereka menggunakan teknik yang tidak sah untuk mendapatkan maklumat pelanggan mereka, seperti mencuri data atau menggunakan teknik perisikan. Ini adalah satu langkah yang tidak berintegriti dan melanggar APDP 2010. Pengguna data harus memastikan bahawa maklumat peribadi mereka dilindungi dengan baik dan tidak dibagikan kepada pihak ketiga tanpa kebenaran mereka.

## Data peribadi komoditi bernilai tinggi

Data peribadi adalah komoditi yang bernilai tinggi. Ia adalah maklumat yang boleh mengenal pasti seseorang individu. Ia termasuklah maklumat seperti nama, alamat, nombor telefon, dan maklumat kewangan. Data peribadi adalah sangat berharga kerana ia boleh digunakan untuk tujuan pemasaran, analisis, dan lain-lain. Pengguna data harus memastikan bahawa maklumat peribadi mereka dilindungi dengan baik dan tidak dibagikan kepada pihak ketiga tanpa kebenaran mereka.

## Data peribadi komoditi bernilai tinggi

Data peribadi adalah komoditi yang bernilai tinggi. Ia adalah maklumat yang boleh mengenal pasti seseorang individu. Ia termasuklah maklumat seperti nama, alamat, nombor telefon, dan maklumat kewangan. Data peribadi adalah sangat berharga kerana ia boleh digunakan untuk tujuan pemasaran, analisis, dan lain-lain. Pengguna data harus memastikan bahawa maklumat peribadi mereka dilindungi dengan baik dan tidak dibagikan kepada pihak ketiga tanpa kebenaran mereka.

## MUKA SEPULUH DARI KACA MATA

### Data peribadi alaf siber perlu kalis godaman

Alaf siber merupakan medan yang subur untuk peribadi. Ia adalah maklumat yang boleh mengenal pasti seseorang individu. Ia termasuklah maklumat seperti nama, alamat, nombor telefon, dan maklumat kewangan. Alaf siber adalah sangat berharga kerana ia boleh digunakan untuk tujuan pemasaran, analisis, dan lain-lain. Pengguna data harus memastikan bahawa maklumat peribadi mereka dilindungi dengan baik dan tidak dibagikan kepada pihak ketiga tanpa kebenaran mereka.

## KETAHUI HAK ANDA SEBAGAI SUBJEK DATA

Anda berhak mengetahui hak anda sebagai subjek data. Hak anda termasuklah hak untuk mengetahui maklumat peribadi yang dikumpulkan tentang anda, hak untuk mengakses maklumat peribadi anda, hak untuk membetulkan maklumat peribadi anda, hak untuk memadamkan maklumat peribadi anda, dan hak untuk menarik balik kebenaran anda untuk pengumpulan dan penggunaan maklumat peribadi anda.

## KETAHUI HAK ANDA SEBAGAI SUBJEK DATA

Anda berhak mengetahui hak anda sebagai subjek data. Hak anda termasuklah hak untuk mengetahui maklumat peribadi yang dikumpulkan tentang anda, hak untuk mengakses maklumat peribadi anda, hak untuk membetulkan maklumat peribadi anda, hak untuk memadamkan maklumat peribadi anda, dan hak untuk menarik balik kebenaran anda untuk pengumpulan dan penggunaan maklumat peribadi anda.



# VIDEO

**7 PRINSIP PERLINDUNGAN DATA PERIBADI**

**ADUAN DAN PERTANYAAN**

**APAKAH ITU APDP?**  
AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI / PERSONAL DATA PROTECTION ACT

The Personal Data Protection Act (PDPA) contains 7 principles that must be adhered to.

What if you have questions or complaints about the protection of your personal data?

Information about you is known as Personal Data

**DO'S & DON'TS**

**HAK-HAK PENGGUNA DATA**  
(DI BAWAH AKTA 709)

**KESALAHAN**

**DO'S PERKARA YANG PERLU DILAKUKAN OLEH PENGGUNA DATA**  
What needs to be done by the Data User? (Do's)

**HAK-HAK PENGGUNA DATA**

Processing of personal data after the execution of registration.

**KOD TATA AMALAN**

**STANDARD PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2015**




**KOD TATA AMALAN**  
In order to protect the privacy of personal data subjects, Codes of Practices are produced by a designated Data User Forum.

**STANDARD**  
This standard applies to.



# MEDIA SOSIAL

## YOUTUBE



## FACEBOOK



## PORTAL





@ p u b l i s i t i

# WAWANCARA





# LAWATAN





## PAMERAN



## PENERBITAN





@  
a  
n  
t  
a  
r  
a  
b  
a  
n  
g  
s  
a

# PENGLIBATAN LUAR NEGARA



Mesyuarat APEC yang telah berlangsung di Peru, Amerika Selatan merupakan pembuka tirai tahun 2016 bagi penyertaan JPDP di persada antarabangsa. Penyertaan dalam mesyuarat ini adalah signifikan kerana perlindungan data peribadi menjadi key focus area dalam perkembangan e-commerce di seluruh dunia. Melalui APEC, Malaysia dapat memperkenalkan dasar dan agenda negara melalui perkongsian ilmu serta pengalaman bersama negara anggota.

## Enhancing Information Security : Focusing On ISMS And ICS Security For ASEAN Countries

**Tarikh** : 15 – 17 Ogos 2016

**Tempat** : Ho Chi Minh City, Vietnam

Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri Jepun (Japan METI) telah menganjurkan Kursus Information Security Management System untuk negara-negara ASEAN. Sepanjang kursus ini peserta telah didedahkan mengenai aspek keselamatan maklumat daripada spektrum ISO 27001:2013. Penyertaan JPDP merupakan satu pengiktirafan kepada Malaysia kerana ia membantu dalam pembangunan kapasiti pegawai dalam mengukuhkan kemahiran dan meningkatkan pengetahuan terutamanya dalam aspek perlindungan data peribadi.





### APEC: Workshop On Readiness For Cross-Border Privacy Rules System (CBPRs)

**Tarikh :** 21 Oktober 2016

**Tempat :** Da Nang, Vietnam

Bengkel CBPRs yang dianjurkan oleh APEC merupakan platform bagi negara anggota APEC membincangkan kesediaan untuk menyertai sistem Cross-Border Privacy Rules (CBPRs). CBPRs merupakan suatu inisiatif dalam meningkatkan kerjasama dikalangan negara anggota APEC dalam menangani isu berkaitan aliran data merentasi sempadan (cross-border data flow). Melalui bengkel ini, peserta didedahkan dengan objektif CBPRs serta hala tuju APEC dalam agenda perlindungan data peribadi di seluruh dunia.

@  
a  
n  
t  
a  
r  
a

### SEMINAR ON CONSTRUCTION OF COMMUNICATION NETWORK FOR MALAYSIA 2016

**Tarikh :** 8 November 2016

**Tempat :** Wuhan City, Hubei Province, The People's Republic Of China

JPDP telah menghantar seorang wakil ICT ke Seminar on Construction of Communication Network for Malaysia yang telah berlangsung di Wuhan, China dari 8 November 2016 sehingga 28 November 2016 yang lalu. Seminar ini telah dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan dan Teknologi Negara China dan diuruskan dengan kerjasama Wuhan Research Institute of P&T. Antara kandungan seminar ini adalah sesi pertukaran teknologi dan pendapat berkaitan teknologi terkini yang diguna pakai di serata dunia pada ketika ini. Lanya banyak memberi idea dan manfaat kepada semua peserta dalam membangunkan serta mengguna pakai teknologi tersebut di Malaysia.




b  
a  
n  
q



s  
d





# IMBASAN 2016





# KALENDAR 2016

## 01 JANUARI

PERBINCANGAN BERSAMA PERSATUAN INSURAN HAYAT MALAYSIA



TARIKH

08  
Januari

PERBINCANGAN BERSAMA SYARIKAT PENERBANGAN MALAYSIA



12  
Januari

PERSIDANGAN APDP, THE ZENITH HOTEL, KUANTAN



27-29  
Januari

## 02 FEBRUARI

PERBINCANGAN BERSAMA PIHAK AMEC



TARIKH

04  
Februari



PERBINCANGAN BERSAMA PIHAK SHELL



05  
Februari

PERSIDANGAN APDP @ SWISS-GARDEN RESIDENCE, MELAKA



16  
Februari

PERBINCANGAN BERSAMA PERSATUAN PERUBATAN MALAYSIA (MMA)



18  
Februari

PERBINCANGAN BERSAMA PENGURUSAN AIR SELANGOR



23  
Februari



## 03 MAC

TARIKH

PERSIDANGAN APDP TOWER REGENCY HOTEL. APARTMENT, IPOH



01-02  
Mac

PEMANTAUAN DI OUM ALOR SETAR, KEDAH



06  
Mac

PEMANTAUAN DI INSTITUT MEMANDU KONSORTIUM VILLAMAJU SDN BHD, KEDAH



07  
Mac

PAMERAN MINDA @ KUCHING, SARAWAK



11-13  
Mac



# 04 APRIL

TARIKH

PERSIDANGAN APDP @ HOTEL GRAND MAGARETHA, KUCHING SARAWAK



04-06  
April

PERSIDANGAN APDP @ PERDANA HOTEL, KOTA BHARU, KELANTAN



10-11  
April

PERSIDANGAN APDP @ TOWER REGENCY HOTEL ALOR SETAR, KEDAH



25  
April



# 05 MEI

TARIKH

PAMERAN PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG 2016 DI TAWAU



05-07  
Mei

PERJUMPAAN BERSAMA MIT AKADEMI



06  
Mei

PERJUMPAAN BERSAMA UITM JASIN



09  
Mei

LAWATAN KE KARANGKRAF



10  
Mei



SESI SOAL JAWAB DI TERENGGANU FM



16  
Mei

PERSIDANGAN APDP @ PERMAI HOTEL, KUALA TERENGGANU



16  
Mei

PERSIDANGAN APDP @ HOTEL PUTERI PACIFIC, JOHOR



23  
Mei

PERBINCANGAN BERSAMA IWK



25  
Mei





EXECUTIVE BRIEFING ON PDPA @TNB



25  
Mei

PERBINCANGAN BERSAMA PIHAK IBM



26  
Mei

PEMANTAUAN APDP @ MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU



30  
Mei

PEMANTAUAN APDP @ AIR KELANTAN SDN BHD



30  
Mei

PEMANTAUAN APDP @ UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN



31  
Mei



06 JUN

TARIKH

PERBINCANGAN BERSAMA KHAZANAH



06  
Jun

SESI MENANDATANGANI TATAAMALAN PENGGUNA DATA UTILITI (ELEKTRIK)



23  
Jun

07 JULAI

TARIKH

SESI TEMURAMAH BERSAMA AKHBAR THE SUN



15  
Julai



PERBINCANGAN BERSAMA PIHAK CTOS



18  
Julai

PERBINCANGAN BERSAMA PIHAK MAJLIS PEGUAM BERKENAAN DRAF TATAAMALAN GOLONGAN PENGGUNA DATA PERKHIDMATAN



21  
Julai

08 OGOS

PERSIDANGAN APDP @ CITITEL, PULAU PINANG



TARIKH

08-10  
Ogos



MAJLIS PELANCARAN KOD TATAAMALAN PDP SEKTOR UTILITI (ELEKTRIK) DI HOTEL PULLMAN BANGSAR



11  
Ogos

MESYUARAT BERSAMA PIHAK INSURAN



12  
Ogos

PERSIDANGAN APDP @ THE ROYALE BINTANG SEREMBAN



14-15  
Ogos

PERSIDANGAN APDP @ HOTEL SRI BINTANG, MELAKA



22-23  
Ogos



#### MENSYUARAT BERSAMA MDEC



25  
Ogos

## 09 SEPTEMBER

TARIKH

#### WAWANCARA TIMBALAN PESURUHJAYA BERSAMA MACC (SPRM)



06  
Sept

#### KUNJUNGAN POS MALAYSIA



09  
Sept

#### TAKLIMAT APDP @ ILKAP, BANGI



20  
Sept



# 10 OKTOBER

TARIKH

PERSIDANGAN APDP @HOTEL VISTANA



17  
Okt

PEMANTAUAN @ TNB ALOR SETAR



23  
Okt

# 11 NOVEMBER

TARIKH

WAWANCARA MEDIA CETAK BAGI MAICSA JOURNAL



02  
Nov



PERBINCANGAN BERSAMA PERSATUAN INSURAN HAYAT MALAYSIA (LIAM) BERKENAAN SEMAKAN DRAF TATAAMALAN GOLONGAN PENGGUNA DATA INSURAN



02  
Nov

PERBINCANGAN BERSAMA MALAYSIA AIRLINES BERHAD BERKENAAN STATUS DRAF TATAAMALAN BAGI GOLONGAN PENGGUNA DATA PENGANGKUTAN



22  
Nov

BENGKEL MENGENAI BAHAGIAN 8-10 AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (AKTA 709)



23  
Nov

MENSUARAT PENYEDIAAN DERAH PERINTAH PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (PEMINDAHAN DATA PERIBADI) 2016



28  
Nov



# 12 DISEMBER

TARIKH

PERSIDANGAN APDP @ B1 KOMPLEKS KKMM



01  
Dis

WAWANCARA AKHBAR KOSMO BERSAMA PESURUHJAYA



01  
Dis

MEMBER DIALOGUE ON PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010 (OVERVIEW AND RECENT DEVELOPMENT), MAICSA



13  
Dis

MAJLIS FORUM KOD TATAAMALAN BAGI GOLONGAN PENGGUNA DATA PENGANGKUTAN, MAB



19  
Dis



**JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI MALAYSIA**

Aras 6, Kompleks Kementerian Komunikasi dan Multimedia,  
Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62100 Putrajaya, Malaysia.

[www.pdp.gov.my](http://www.pdp.gov.my)